

Headline **Permanis, 7-Eleven salur sumbangan alam sekitar**  
Date **24. Jun 2009** Language **MALAY**  
Media Title **Kosmo** Page No **54**  
Section **Bisnes** Article Size **109** cm2  
Circulation **108796** Frequency **Daily**  
Readership **406000** Color **Black/White**  
AdValue



## Permanis, 7-Eleven salur sumbangan alam sekitar

KUALA LUMPUR – Permanis Sdn. Bhd. (Permanis) dan 7-Eleven Malaysia Sdn. Bhd. menyumbangkan RM10,000 kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk melancarkan Tabung 'Hidupkan Alam Sekitar'.

"Permanis amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan 7-Eleven dan FRIM dalam memupuk nilai-nilai positif terhadap kesedaran dan perlindungan alam sekitar.

"Tabung ini ditubuhkan susulan

kempen 'Hidupkan Alam Sekitar bersama 7-Eleven'," kata Pengurus Pemasaran Permanis, Hemalatha Ragavan.

Tabung tersebut akan digunakan untuk mempromosi dan menjalankan usaha-usaha pemuliharaan alam

sekitar FRIM terutama di kalangan generasi muda.

Aktiviti yang terlibat termasuk bengkel kreatif hijau untuk kanak-kanak dan ceramah berkenaan pemuliharaan alam semula jadi.

Sementara itu, Pengurus Promosi

dan Pengiklanan 7-Eleven Malaysia, Shereen Chew berkata, pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab sosial 7-Eleven.

"Kami juga telah bertukar kepada beg plastik mudah hancur," katanya.